

U B349 BAH
PARLIMEN - PEMANGKU

KUALA LUMPUR, 14 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BUKANLAH SESUATU YANG LUAR BIASA APABILA SEORANG PEMANGKU PERDANA MENTERI TIDAK DILANTIK APABILA PERDANA MENTERI BERADA DI LUAR NEGERI.

PERDANA MENTERI BERKATA LANGKAH TIDAK MELANTIK SEORANG PEMANGKU PERDANA MENTERI ADALAH AMALAN BIASA DAN TIDAK TIMBUL SOAL TIDAK PERCAYA TERHADAP MENTERI BAWAHAN.

KETIKA MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK LIM KIT SIANG (DAP-TANJUNG) DI DEWAN RAKYAT HARI INI, BELIAU BERKATA SEKIRANYA SEORANG PEMANGKU PERDANA MENTERI DILANTIK MAKA AKAN TIMBUL KEADAAN SEOLAH-OLAH TERDAPAT DUA ORANG PERDANA MENTERI PADA SUATU MASA.

+ADALAH PELIK KALAU ADA DUA PERDANA MENTERI...SEORANG DI DALAM NEGARA MANAKALA SEORANG LAGI DI LUAR NEGARA UNTUK MEMBUAT LAWATAN RASMI,+ KATANYA.

BELIAU JUGA BERKATA MENGIKUT PERATURAN YANG DIAMALKAN SEKARANG APABILA SESEORANG MENTERI BERTUGAS DI LUAR NEGARA ATAU TIDAK DAPAT MENJALANKAN TUGAS KERANA SAKIT, SEORANG MENTERI LAIN AKAN DITETAPKAN UNTUK MENJALANKAN TUGAS-TUGAS MENTERI BERKENAAN. -- LAGI
1709MST 14 06 90

D686

U B350 BAH
PARLIMEN - PEMANGKU 2 KUALA LUMPUR

MENURUTNYA, URUSAN MENJALANKAN TUGAS ITU AKAN DIWARTAKAN DAN BERMAKNA MENTERI YANG MENJALANKAN TUGAS ITU DIWAKILKAN DENGAN KUASA MENJALANKAN TUGAS-TUGAS +STATUTORY+ SEPERTI MENANDATANGANI PERJANJIAN SERTA TUGAS-TUGAS PENTADBIRAN.

KATANYA, AMALAN YANG SAMA JUGA DILAKUKAN APABILA PERDANA MENTERI BERADA DI LUAR NEGARA ATAU TIDAK BERKEUPAYAAN KERANA SAKIT DAN TANGGUNGJAWAB MENJALANKAN TUGAS-TUGASNYA DIBERIKAN KEPADA TIMBALAN PERDANA MENTERI.

DALAM SOALAN TAMBAHANNYA, ENCIK LIM BERTANYA MENGAPAKAH AMALAN MELANTIK PEMANGKU PERDANA MENTERI TIDAK DILAKUKAN SEJAK TAHUN 1986 DAN ADAKAH IA DISEBABKAN PERDANA MENTERI TIDAK YAKIN PEMANGKUNYA DAPAT MENJALANKAN TUGAS SELARAS DENGAN KEHENDAKNYA.

SEMASA MENANYAKAN DEMIKIAN, ENCIK LIM MENYINGKAP KEMBALI KEADAAN SEMASA JAWATAN PEMANGKU DISERAHKAN KEPADA ANGGOTA PARLIMEN KOTA TINGGI, YANG KETIKA ITU MERUPAKAN TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK MUSA HITAM, DAN BEBERAPA KES SEPERTI ISU SISA RADIOAKTIF DI PAPAN, PERAK DAN KEADAAN HURU-HARA DI SABAH KETIKA ITU,

DATUK SERI DR MAHATHIR MENJAWAB: +MEMANGLAH MENJADI TABIAT YANG BERHORMAT DARI TANJUNG (ENCIK LIM) UNTUK MEMBUAT SANGKAAN BURUK KERANA BEGITULAH PENDIRIANNYA TERHADAP KERAJAAN+. -- LAGI

1711MST 14 06 90

D687

U B351 BAH
PARLIMEN - PEMANGKU 3 KUALA LUMPUR

+SEBENARNYA TIDAK ADA YANG LUAR BIASA DALAM PERKARA INI,+
TAMBAHNYA.

KEPADA PERTANYAAN HAJI NIK ABDULLAH HAJI ARSHAD (PAS-PENGGALAN CHEPA), DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SOAL TIDAK PERCAYA ANTARA SATU SAMA LAIN TIDAK TIMBUL KERANA PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL (BN) SALING MEMPERCAYAI SEJAK DARI DULU LAGI.

KATANYA, KEPERCAYAAN YANG TERJALIN ERAT ITU MERUPAKAN SALAH SATU SEBAB MENGAPA SEORANG PEMANGKU PERDANA MENTERI TIDAK PERLU DILANTIK APABILA BELIAU BERADA DI LUAR NEGERI.

PERDANA MENTERI SETERUSNYA MENYINDIR PAS YANG, MENURUTNYA, TIDAK WUJUD SOAL SALING MEMPERCAYAI DI DALAM PARTI ITU SEHINGGA ADA ANGGOTA-ANGGOTA PARTI ITU KELUAR DAN MENUBUHKAN KUMPULAN AL-ISLAH.

+AMALAN KERAJAAN TIDAKLAH GANJIL SEPERTI KERJASAMA PAS DAN DAP...WALAUPUN PAS ADA MENGATAKAN BEKERJA DENGAN KAFIR BOLEH MENJADI KAFIR TETAPI SEKARANG MEREKA BEKERJASAMA,+ TAMBAHNYA.

+DIHADAPAN SAYA MUNGKIN MEREKA MENAFIKAN (KERJASAMA ITU) TETAPI DI BELAKANG SAYA, TIDAK TAHULAH,+ KATA PERDANA MENTERI. -- BERNAMA
1713MST 14 06 90